



KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN

PEMBATALAN LESEN PSV KE ATAS PELAKU GANGGUAN SEKSUAL

PUTRAJAYA — Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memandang serius insiden gangguan seksual yang dilakukan oleh seorang pemandu Grab ke atas penumpang di Johor Bahru.

Saya telah mengarahkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya membatalkan Lesen Perkhidmatan Kenderaan Awam (PSV) pemandu tersebut dengan serta merta.

Tindakan pembatalan PSV bermaksud pemandu tersebut tidak boleh berkhidmat sebagai pemandu di semua platform e-hailing.

MOT, melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), juga akan memanggil semua pengendali e-hailing termasuk Grab untuk membentangkan pelan tindakan penambahbaikan untuk keselamatan penumpang.

MOT tidak akan bertoleransi dengan sebarang tingkah laku yang mengganggu gugat keselamatan penumpang dan bersedia untuk menyokong pihak mangsa dalam memastikan tindakan polis diambil terhadap pihak pelaku.

MENTERI PENGANGKUTAN

3 Februari 2026

-TAMAT-



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my